

SALWANI MD ZAIN salwani@sinarharian.com.my



Pembimbing Rakan Siswa UniSZA

Kelab Pembimbing Rakan Siswa Universiti Sultan Zainal Abidin (PRS UniSZA) merupakan satu daripada kelab ditubuhkan untuk pembangunan siswa siswi UniSZA agar dapat melahirkan pemimpin cemerlang dari sudut akademik dan sahsiah.

Kelab ini bernaung dalam Unit Kaunseling & Kerjaya UniSZA, Bahagian Hal Ehwat Pelajar & Alumni dan bawah bimbingan Pegawai Psikologi, Cr Husni Munirah Hashim.

Kebyakangan program yang dianjurkan mendedahkan peranan yang dimainkan oleh unit kaunseling yang menekankan aspek pengurusan emosi, mental, fizikal dan spiritual.

Yang Dipertuannya, Muhamad Nabil Che Musa berkata, fokus dan segala aktiviti kelab tahun ini dirangka selari dengan tema Persatuan Kaunseling Malaysia (Perkama), mengutamakan kesejahteraan mental dan kestabilan emosi mahasiswa dan mahasiswi.

Perkama adalah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memartabatkan amalan kaunseling di negara ini. Antara tujuan penubuhan persatuan ini adalah mempertingkatkan integriti profesion kaunseling di Malaysia, selain memberi perkhidmatan sosial dan seterusnya dapat membantu kesejahteraan masyarakat.

Menurut Muhamad Nabil, PRS UniSZA terdiri daripada 233 ahli daripada pelbagai latar belakang pengajian dan ia terbuka kepada semua mahasiswa dan mahasiswi yang berhasrat memperkayakan kemahiran insaniah.

Kata beliau, kelab ini melatih ahli-ahlinya menjadi fasilitator (pemudah cara) yang secara langsung mengembangkan potensi diri pelajar sesuai dengan falsafah, misi dan visi yang digariskan oleh universiti.

"Semua individu yang menyertai kelab ini didedahkan dengan peranan sebagai kaunselor. Mereka juga dilatih untuk berani berhadapan orang ramai, tahu menguruskan emosi dan tekanan serta prihatin dengan masyarakat.

"Kami sebagai fasilitator yang juga mahasiswa dapat merasa satu pengalaman baharu dalam mengendalikan program, bahkan kami juga dapat

Program berteraskan kaunseling bantu masyarakat

meningkatkan kemahiran insaniah terutamanya kemahiran komunikasi.

"Pengalaman ini tidak akan dapat di dalam bilik kuliah," katanya yang merupakan penuntut tahun dua Ijazah Sarjana Muda Usuluddin.

PROGRAM BERIMPAK TINGGI

Muhamad Nabil memberitahu, setiap kelab yang ditubuhkan di kampus mempunyai peranan dan kepentingan masing-masing. Justeru, rakan siswa perlu merebut peluang ini demi meningkatkan kebolehan dan kebolehpasaran.

"Seperti PRS, kami merangka pelbagai program yang memberi impak besar kepada masyarakat seiring dengan moto kelab iaitu "Berbakti Demi Kecemerlangan" bagi melahirkan pelajar yang berjasa kepada masyarakat demi membudayakan masyarakat prihatin Malaysia dalam kalangan mahasiswa," katanya.

Jelas beliau, dalam menyahut seruan itu, baru-baru ini kelab ini berjaya menganjurkan

Program Jati Diri Pembimbing Rakan Sebaya ini adalah kerjasama dengan Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Terengganu, memabatkan 82 sekolah sekitar Kuala Terengganu dan Kuala Nerus.

Barisan fasilitator ketika menjayakan program di sekolah.

Program ini dihadiri 266 pelajar lelaki tahun enam yang terdiri daripada Pembimbing Rakan Sebaya dan melibatkan 40 fasilitator terlatih daripada kelab PRS UniSZA.

PRS bertanggungjawab dalam mempraktikkan nilai yang sihat kepada masyarakat selaras dengan hasrat untuk menjadikan UniSZA sebagai universiti komuniti.

Justeru, pengisian aktiviti dan modul yang menarik sepanjang program telah dikelola sepenuhnya oleh fasilitator PRS UniSZA.

Program ini dilaksanakan bertujuan melatih peserta dengan sifat-sifat kepimpinan yang cemerlang sebagai pembimbing rakan sebaya dan berupaya meningkatkan potensi diri bagi melahirkan generasi yang mampan dan berdaya saing mendepani cabaran semasa.

"Dengan penerapan program seperti ini, ia dapat memberi peluang kepada Pembimbing Rakan Siswa (PRS) UniSZA

berkongsi ilmu pengetahuan.

"Di samping itu, mereka boleh menyumbang khidmat kepada golongan pelajar sejajar dengan usaha universiti untuk melahirkan modal insan yang cemerlang dan mempunyai jati diri yang unggul," katanya.

Muhamad Nabil berkata, PRS UniSZA kini semakin matang dan mantap dalam melaksanakan program kepimpinan. Ini kerana program jati diri tersebut merupakan program pertama yang diadakan secara besar-besaran dan melibatkan peserta yang ramai.

Muhamad Nabil berharap, PRS UniSZA dapat mengadakan lebih banyak lagi program yang memberikan impak besar kepada masyarakat.

"Lebih banyak pengisian berkaitan komuniti akan diadakan tahun hadapan, antaranya PRS akan mengadakan program bersama anak yatim di sekolah Darul Kifayah pada Januari 2016," katanya.



KAMI CAKNA



MUHAMAD NABIL

